

16 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR LEAD/I

DR MAHATHIR JELASKAN KEADAAN POLITIK KEPADA PEMIMPIN APEC

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Beranma) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau telah menjelaskan keadaan politik sebenar di negara ini kepada beberapa pemimpin Apec, termasuk rakan sejawatannya dari Australia, yang berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak Apec yang bermula esok.

"Ada yang bertanya tentang pergeseran di negara ini, dan kita jelaskan," kata Perdana Menteri pada satu persidangan berita selepas mengadakan rundingan-rundingan dua hala dengan beberapa pemimpin Apec.

Beberapa jam terdahulu, Menteri Luar Filipina, Domingo Siazon berkata Filipina mengakui bahawa perbincangan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dijalankan dengan ketelusan yang tinggi.

Siazon memberitahu demikian kepada para pemberita semasa memberi taklimat kepada mereka mengenai rundingan dua hala antara Dr Mahathir dan Presiden Filipina Joseph Estrada.

Dr Mahathir berkata beliau gembira Manila dapat melihat keadaan politik sebenar di negara ini.

Filipina dan Australia adalah antara beberapa negara yang telah melahirkan kebimbangan mereka tentang "layanan" yang diberikan kepada Anwar, yang telah dituduh melakukan 10 kesalahan rasuah dan salah laku seks. Beliau telah menafikan kesemua tuduhan tersebut.

"Kita gembira mereka dapat lihat keadaan sebenar," kata Dr Mahathir.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata hanya Perdana Menteri Australia John Howard yang membangkitkan isu Anwar.

Selain dengan Howard dan Estrada, Dr Mahathir juga mengadakan rundingan dua hala dengan Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung, Perdana Menteri Goh Chok Tong, Wakil China Taipei Dr Chiang Pin Kung, Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai, Presiden Peru Alberto Fujimori dan Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei.

Ditanya sama ada pemimpin-pemimpin tersebut telah mengubah pendirian mereka mengenai isu Anwar setelah mendengar penjelasan beliau, Dr Mahathir berkata: "Itu kita tak tahu. Mereka tidak mengundi, cuma mendengar."

Perdana Menteri berkata ramai yang melihat kes Anwar sebagai "satu tindakan politik kerajaan tetapi ia sebenarnya adalah perbincangan biasa."

Dr Mahathir berkata beliau juga telah memberitahu pemimpin Australia itu bahawa kes Anwar adalah sama seperti mana-mana perbincangan lain.

"Macam mereka kata, semua orang sama rata di sisi undang-undang, jadi mereka tidak berhak berkata bagi orang ini (Anwar), undang-undang mesti berbeza. Ini tak boleh.

"Kita semua sama di sisi undang-undang dan undang-undang mesti dikenakan secara sama bagi semua orang," katanya

Terdahulu, semasa bercakap kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Dr Mahathir, Howard berkata beliau akan terus menjalankan usaha untuk mengekalkan hubungan baik dengan Malaysia.

Kata Howard beliau telah menyampaikan pandangan Australia mengenai isu Anwar kepada Dr Mahathir.

Ditanya sama ada beliau berkecil hati dengan tindakan tiga menteri Apec yang menemui isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, Dr Mahathir berkata: "Ini bukan soal kecil hati, tetapi mengikut adat kita di sini kita tidak akan campurtangan dalam hal ehwal negara lain."

"Tetapi jika orang lain merasakan mereka mahu campurtangan, itu hak mereka, kita tidak persoalkan," tegas beliau.

Dr Mahathir juga berkata "buat masa ini, mereka (pemimpin Apec) masih menumpukan kepada agenda (Apec)."

-- BERNAMA

TM KY OS